

Headline	Pasar tani bakal jadi pusat khidmat rakyat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	9	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	177 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,019
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,058



## Pasar tani bakal jadi pusat khidmat rakyat

**PASIR SALAK** - Pasar tani bakal dikembangkan fungsinya daripada tempat mengurus niaga barangan pertanian kepada pusat khidmat untuk rakyat.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Tan Sri Badruddin Amiruldin berkata, pusat khidmat rakyat itu meliputi perkhidmatan kesihatan, pembayaran bil, pejabat pos, pajak gadai, pusat khidmat wakil rakyat dan pelbagai lagi.

Menurutnya, perkara itu dijangka dilaksanakan pertengahan Mac depan bagi memudahkan rakyat mendapat perkhidmatan di satu tempat.

“Kita akan mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta beberapa kementerian lain dalam usaha menyediakan perkhidmatan kepada rakyat ini melalui van atau trak bergerak.

“Rakyat bukan saja dapat membeli barangan keperluan mereka di pasar tani malahan boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan, bayaran bil dan sebagainya,” katanya ketika ditemui selepas majlis pecah tanah pasar tani kekal Kampung Gajah, di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Menteri

Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan turut dihadiri Timbalannya yang juga Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abd Rahman.

Beliau berkata, dalam usaha menjenamakan semula pasar tani perkara itu harus dilaksanakan bagi menarik lebih ramai pengunjung.

“Kita ada 986 pasar tani seluruh negara dan kita sasarkan seramai 1,000 pengunjung di setiap pasar tani.

“Jadi perkhidmatan ini boleh dimanfaatkan oleh rakyat sebaik mungkin,” katanya.



Badruddin (kiri), Ahmad Shabery dan Tajuddin melihat produk yang dijual di pasar tani Kampung Gajah.